

31 AUG 1999

Adnan-100

100 HARI PERTAMA BUKTI KESINAMBUNGAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

KUANTAN, 31 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob berkata, dalam tempoh 100 hari menerajui Kerajaan Negeri, tugas utama beliau ialah memastikan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Negeri, agensi-agensinya dan kakitangan awam berterusan.

Prinsip tanggungjawab bersama sememangnya diamalkan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri bagi memudahkan segala urusan di semua peringkat.

Dalam satu wawancara dengan media sempena genap 100 hari beliau menjawat jawatan Menteri Besar Pahang di sini, hari ini, beliau berkata semangat kerja berpasukan itu diamalkan sejak kepimpinan bekas Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob lagi.

"Kita bernasib baik kerana di bawah kepimpinan Tan Sri Khalil, mana-mana Anggota Exco yang dilantik sebagai Menteri Besar dilatih untuk menjalankan tugas itu dengan baik," jelas beliau.

Adnan, 49, mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Pahang ke-14 pada 25 Mei lepas menggantikan Khalil yang kini merupakan Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno dalam satu rombakan kecil Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Adnan berkata, daripada lawatannya ke daerah-daerah di Pahang dan mengikuti taklimat berkaitan perjalanan agensi-agensi kerajaan, beliau berpuashati dengan prestasi dan kecekapan pegawai serta kakitangan kerajaan dalam memberikan khidmat berdedikasi.

Namun begitu, beliau berkata ada sedikit pembaikan dan pengubahsuaian yang perlu dilakukan, umpamanya peranan beberapa buah agensi yang didapati agak bertindih.

"Saya memikirkkan dengan serius perjalanan agensi-agensi yang saya perhatikan kadang-kadang peranannya bertindih antara satu sama lain. Tak salah dan tak rugi kalau consolidate agensi-agensi itu," katanya lagi.

Agensi-agensi berkenaan ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang yang bertanggungjawab dalam bidang hartanah, Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang (perladangan), Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser serta Lembaga Pembangunan Tioman (pelancongan) dan Yayasan Pahang serta Yayasan Basmi Kemiskinan Pahang (sosial).

Beliau menjelaskan agensi-agensi berkenaan mungkin diletakkan di bawah satu payung besar dan di bawah agensi itu pula akan diwujudkan bidang-bidang tertentu iaitu hartanah, perladangan, pelancongan dan sosial.

Mengenai kehidupan sebagai Menteri Besar, Adnan berkata tugas itu menyeronokkan kerana beliau dapat membuat sesuatu keputusan dengan cepat tetapi pada masa yang sama mempunyai jadual rasmi yang padat, sebagai contoh melawat ke daerah-daerah dan mengikuti taklimat pembangunan.

Beliau menyifatkan lawatannya ke daerah-daerah sebagai berjaya kerana penjelasan yang diberikannya berkaitan perkembangan semasa diterima oleh rakyat dengan hati terbuka.

"Saya perhatikan mereka selesa berdamping dengan saya. Saya gunakan pendekatan yang saya ini seorang daripada mereka. I am a very simple and common man," katanya.

Beliau menetapkan Khamis sebagai hari khusus untuk bertemu orang ramai di pejabatnya di Wisma Sri Pahang di sini manakala hari-hari lain pula bagi menjalankan tugas-tugas rasmi.

Mengenai peluang Pahang mengekalkan rekod terbaiknya pada pilihan raya umum akan datang, beliau yakin rakyat di negeri ini akan membuat pilihan yang betul dengan memilih kerajaan yang boleh menjamin kesejahteraan hidup,

bukannya pihak yang sekadar menimbulkan kegelisahan.  
-- BERNAMA  
ROS PR